

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR SELANGOR

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan jumlah yang perlu dibayar dan pembayaran yang telah dibuat kepada kerajaan persekutuan untk perkhidmatan air?
- b) Selain golongan B40, Adakah kerajaan akan mempertimbangkan pemberian air percuma kepada kumpulan M40 juga?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak ada membuat apa-apa bayaran kepada Kerajaan Persekutuan untuk perkhidmatan air. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri pada ketika ini ada membuat bayaran balik ke atas pinjaman Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan bekalan air dianggarkan keseluruhannya berjumlah RM1,298,454,923.45 yang butirannya adalah seperti berikut:-

Bil	Butiran Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)
1.	Membiayai Projek Menaik taraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, Selangor	90,000,000.00
2.	Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor	747,287,197.45
3.	Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih	30,000,000.00
4.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	67,000,000.00
5.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai (LRA) Sungai Selangor Fasa 1(SSP1)	20,235,295.00
6.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	81,000,000.00

Bil	Butiran Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)
7.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 SSP3) Bukit Badong	91,652,431.00
8.	Membiayai Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa	74,000,000.00
9.	Membiayai Projek Menaiktaraf Dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air(LRA) Sg Langat	48,180,000.00
10.	Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan Bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air Di Selangor, Kuala Lumpur Dan Putrajaya (Projek Menaik taraf Rumah Pam)	RM49,100,000.00

Namun demikian, setelah penstrukturan semula dimuktamadkan sepenuhnya, semua pinjaman Kerajaan Persekutuan ini akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan bayaran balik pinjaman ini akan dibuat oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) kepada PAAB.

- b) Pada ketika ini, subsidi air percuma bagi 20 meter padu bersamaan dengan nilai sebanyak RM11.40. Melalui penjajaran semula ini, pemberian air percuma akan dinaikkan kepada 25 meter padu bersamaan dengan RM16.55 sebulan. Peningkatan ini dapat membantu golongan berpendapatan rendah dalam kategori B40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membiayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT, TAWAS dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PENEMPATAN BERPUSAT PEKERJA WARGA ASING

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan semua majikan menyediakan satu kawasan khas penempatan pekerja-pekerja asing mereka?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-14 Bil. 2/2015 pada 18 Ogos 2015 telah memutuskan bahawa setiap majikan yang menggajikan pekerja asing adalah wajib menyediakan kemudahan penginapan mengikut Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing dan pematuhan ini dijadikan sebagai pra-syarat kelulusan pengajian pekerja asing bermula 1 Januari 2016. Walaubagaimana pun di Selangor, kerajaan belum bercadang untuk menyediakan suatu kawasan khas untuk penempatan pekerja asing, namun terdapat **lima (5)** penempatan berpusat pekerja asing telah diberi perakuan iaitu di:

Bil.	Daerah/Negeri	Syarikat Yang Menyediakan	Alamat Lokasi	Tarikh Sijil Perakuan
1.	Puchong, Selangor	Myrelocation Centre Malaysia Sdn Bhd (1233224-P)	Blok B, No. 1, Jalan Desaria, Batu 18, Sungai Rasau, Kampung Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor	24 November 2017
2.	Shah Alam, Selangor	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)	CLQ V201, Sebahagian Lot 85120, Jalan Bt. 3- Sg. Buloh, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor	5 Feb 2018

3.	Shah Alam, Selangor	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)	CLQ V202, Sebahagian Lot 85120, Jalan Bt. 3- Sg. Buloh, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor	5 Feb 2018
4.	Shah Alam, Selangor	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)	CLQ V203, Sebahagian Lot 85120, Jalan Bt. 3- Sg. Buloh, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor	5 Feb 2018
5.	Shah Alam, Selangor	Construction Labour Exchange Centre Sdn Bhd (634396-W)	Clab CLQ V1, Lot 994/998, Jalan Sg. Buloh - Subang, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor	2 April 2018

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : LOMBONG KUARI

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan, tempoh kelulusan dan saiz lombong kuari di Negeri Selangor.
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Data maklumat kuari yang masih aktif di Negeri Selangor (Di Bawah Peraturan Kuari 2003) adalah seperti jadual di bawah :

Bil.	Daerah	Keluasan	
		Hektar	Ekar
1.	Hulu Langat	1236.44	3055.25
2.	Gombak	185.91	459.37
3.	Kuala Langat	262.37	648.32
4.	Hulu Selangor	31.16	77.00
5.	Kuala Selangor	19.65	48.56
Jumlah		1735.53	4288.50

* Maklumat terperinci seperti di Lampiran.

Tempoh Kelulusan diberikan satu (1) tahun dan setiap pembaharuan kelulusan perlu mendapatkan pandangan dan ulasan setiap Agensi Teknikal berkaitan seperti :

- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Jabatan Geosains dan Mineral (JMG)
- Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Maklumat Tambahan

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan infrastruktur kerajaan dalam keadaan terkawal adalah dengan menetapkan syarat-syarat serta garis panduan daripada Kerajaan Negeri yang dikenakan terhadap operasi-operasi kuari di Selangor antaranya adalah :

- (i) Penetapan syarat-syarat Permit 4C (Seksyen 74 (a) KTN) yang ditetapkan melalui Pentadbir Tanah berkaitan;
- (ii) Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) adalah agensi mengawal segala aktiviti-aktiviti pengkuarian berdasarkan Skim Melombong yang telah diluluskan;
- (iii) Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi mengawal kesan alam sekeliling yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengkuarian dengan syarat-syarat yang telah diluluskan melalui Laporan Kesan Alam Sekeliling (EIA);

Selangor Quarry Rules, 2003 adalah salah satu rujukan yang digunakan bagi mengawal tatacara operasi pengkuarian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA TUA SELANGOR

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan program-program kebajikan tambahan memandangkan populasi warga tua di Negeri Selangor semakin meningkat?

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no.104 dari Yang Berhormat Puan Lim Yi Wei dari Kampung Tunku bertajuk Kebajikan Warga Emas dan soalan no.112 dari Yang Berhormat Tuan Mohd Fakrulrazi Bin Mohd Mokhtar dari Meru bertajuk Kebajikan Warga Tua Dan Usia Emas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam mendepani cabaran menuju ke arah negara tua menjelang 2030 dengan menyediakan program-program, kemudahan dan bantuan agar masyarakat warga emas di Selangor melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dengan mengoptimumkan potensi diri serta dapat menyumbang ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan warga emas di Selangor pada masa kini adalah Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM350.00 sebulan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai bantuan dan sokongan kewangan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

Begitu juga pemberian Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang berbentuk bantuan khairat kematian sebanyak RM2,500.00 melalui Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) bagi mengurangkan beban ahli keluarga dalam pengurusan jenazah. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa cadangan dan mekanisma pelaksanaan penambahbaikan menerusi skim ini agar ianya memberi manfaat kepada ahli SMUE semasa hidupnya.

Keprihatinan terhadap golongan warga emas ini turut mendapat perhatian dan dizahirkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat seluruh Selangor secara kerjasama strategik melalui pelaksanaan

pelbagai program dan aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan salah satu platform bagi mereka ini menjalankan perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (development) kepada warga emas.

JKM melalui Institusi Rumah Seri Kenangan (RSK) turut menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas yang boleh mengurus diri dan dhaif bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan ini.

Selain itu, perkhidmatan jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas pesakit melarat, uzur dan yang tidak memerlukan rawatan yang intensif turut disediakan melalui JKM iaitu di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Berdasarkan rekod JKM, terdapat sebanyak 25 buah Pusat Jagaan Berkediaman Warga Emas yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama JKM akan melaksanakan program '*Town Hall* : Mendepani Cabaran Warga Emas Menjelang Negara Tua 2030' Peringkat Negeri Selangor berkonsepkan perkongsian idea bagi mencapai objektif berikut :

- (1) Sebagai satu platform bagi memberi peluang kepada para peserta iaitu pelbagai kumpulan warga emas, ahli akademik, aktivis sosial dan pegawai awam/swasta serta masyarakat awam untuk bertemu bagi membincangkan isu dan cadangan baru yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkaitan; dan
- (2) Memberi ruang kepada semua peserta dan masyarakat untuk berganding bahu dan menyumbang secara positif bersama Kerajaan Negeri ke arah usaha masyarakat Selangor mendepani cabaran warga emas menjelang negara tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BANTUAN GOLONGAN PETANI,NELAYAN DAN RAKYAT
KESELURUHANNYA**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan petani,nelayan dan rakyat keseluruhannya yang berdepan dengan isu kos sara hidup yang tinggi mutahir ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedia maklum akan peningkatan kos sara hidup pada ketika ini yang telah memberikan kesan khususnya kepada golongan petani, nelayan dan penternak. Peningkatan tersebut juga telah menyebabkan kos-kos pengeluaran seperti input pertanian dan juga peralatan bagi pertanian semakin meningkat dan tidak terkecuali juga makanan ternakan. Antara mekanisme yang sedang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan adalah seperti berikut:-

1. Program Bantuan

Program bantuan dalam bentuk pemberian input dan peralatan akan diteruskan di mana melalui peruntukan pembangunan berjumlah RM27.8 juta oleh Kerajaan Negeri kepada jabatan yang berkaitan, hampir 70% daripadanya adalah untuk program bantuan seperti bantuan baja, ternakan, peralatan menangkap ikan dan peralatan untuk produk proses atau Industri Asas Tani (IAT).

2. Program Pemasaran

Program pemasaran seperti *Selangor Agro Market (SAM)* telah terbukti memberikan impak yang amat positif kepada golongan tersebut termasuk golongan pembeli di mana melalui program SAM, hasil pertanian dijual secara terus kepada pengguna dari ladang dan melalui kaedah tersebut para pengusaha boleh menjual dengan harga yang lebih baik serta pembeli boleh membeli barangan dengan harga yang lebih murah sehingga 40% dari harga pasaran. Program SAM telah dirancang untuk dilaksanakan di lebih 100 lokasi di seluruh Negeri Selangor.

3. Pembukaan Kawasan Pertanian Baharu

Salah satu impak positif hasil dari Program SAM, beberapa kawasan pertanian baharu akan mula dibuka melalui Program Ladang Kontrak yang melibatkan bantuan Kerajaan Negeri dari segi pemilihan lokasi serta kos awal penyediaan infrastruktur asas dan bimbingan kepada pengusaha agar mengusahakan hasil yang telah dikenalpasti mempunyai permintaan pasaran (*market demand*).

Dalam pada itu juga, pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu akan mengambil kira potensi pasaran termasuk hasil-hasil pertanian untuk tujuan proses seperti tanaman roselle dan juga melon yang mana ianya akan melibatkan pihak FAMA Selangor selaku agen pemasar serta jabatan dan agensi lain sebagai pelaksana projek. Kaedah tersebut lebih tersusun dan dapat mengelakkan lambakan hasil di pasaran yang boleh mengakibatkan hasil jualan yang terlalu rendah.

4. Program Penggalakkan Pemasaran Eksport

Program Penggalakkan Pemasaran Eksport (produk tier 1) adalah merupakan program yang dirangka bagi memastikan produk yang berkualiti tinggi dan menepati syarat-syarat eksport akan terus diperkasakan. Menerusi program ini, bukan sahaja produk yang menepati pasaran eksport akan dibantu, bahkan secara tidak langsung produk-produk yang berada pada tahap tier 3 iaitu produk yang masih memerlukan bantuan dari segi kualiti dan juga kuantiti boleh dikenalpasti dan seterusnya turut sama dibantu sehingga mencapai tahap tier 1. Ianya boleh membantu golongan pengusaha untuk memperoleh pasaran yang lebih luas serta meningkatkan pendapatan mereka.

5. Program Pemodelan Pertanian

Program Pemodelan Pertanian merupakan program yang menerapkan penggunaan peralatan moden dan berteknologi tinggi di dalam sektor pertanian. Memandangkan secara puratanya kos awal penyediaan sesuatu projek yang berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi adalah tinggi, Kerajaan Negeri akan menyediakan infrastruktur asas di tapak untuk membolehkan pengusaha belajar dan menimba pengalaman serta akhirnya pengusaha yang terlibat mampu berdikari dan membuka kawasan sendiri. Program ini akan melibatkan agensi kewangan seperti Agro Bank untuk turut serta sebagai pemberi pinjaman disamping bantuan awal oleh Kerajaan Negeri.

6. Program Tanaman Makanan Ternakan

Bagi membantu golongan penternak yang menghadapi masalah kenaikan kos makanan ternakan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Program Tanaman Makanan Ternakan lembu dan kambing di beberapa kawasan terpilih. Tanaman ternakan yang akan diusahakan oleh para penternak akan menggunakan kaedah *cut and carry* dan dijangka akan dapat mengurangkan kos makanan ternakan dan seterusnya meningkatkan keuntungan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KEPADATAN MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan dalam menangani isu kepadatan murid terutama bagi kemasukan Tingkatan 1 di sekolah menengah di sekitar dun Sungai Kandis?
- b) Apakah terdapat perancangan pembinaan sekolah baharu khasnya di dalam Dun Sungai Kandis? Senaraikan jika ada.

JAWAPAN:

- a) 3 buah sekolah yang mempunyai kepadatan enrolmen bagi Tingkatan Satu adalah:
 - i) SMK Jalan Kebun – 744 murid
 - ii) SMK Kota Kemuning – 733 murid
 - iii) SMK Alam Megah 2 – 306 murid

Bagi menampung permintaan keperluan, pihak sekolah menambah bilangan kelas bagi Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua sebagai langkah menangani isu kepadatan dalam jangka masa pendek.

- b) Pihak JPN Selangor perlu membuat semakan berdasarkan kepadatan penduduk dan sekolah sedia ada berhampiran DUN Sungai Kandis bagi membolehkan permohonan sekolah baharu dipohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TANAH MILIKAN YAYASAN SELANGOR DI ULU BERNAM

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini tanah milikan Yayasan Selangor seluas 217 ekar yang pernah digunakan sebagai Bernam River Airfield di Ulu Bernam.
- b) Pernahkah Yayasan Selangor mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah tersebut bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

JAWAPAN:

- a) Sebahagian tanah (100 ekar) tersebut telah disewakan kepada pemaju untuk tujuan projek kolam ternakan ikan. Hasil pendapatan sewaan ini akan disalurkan bagi tujuan pembiayaan pendidikan. Manakala baki daripada tanah tersebut telah mendapat kelulusan dari Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (LPAYS) untuk projek Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) pada Januari 2018. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut telah dibatalkan oleh LPAYS pada awal 2019 kerana pihak pemaju gagal menepati syarat-syarat tawaran.
- b) Pada tahun 2015, pihak Yayasan Selangor telah melaksanakan proses RFI bagi mendapatkan cadangan pemajuan tanah tersebut tetapi tidak mendapat sebarang sambutan memandangkan :-
 - i. Tanah yang terletak jauh di pedalaman.
 - ii. Jalan penghubung yang memerlukan belanja yang tinggi untuk dinaik taraf.
 - iii. Jalan masuk sedia ada yang melalui tanah hak milik individu/ladang.
 - iv. Tanah masih dalam status pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENJAJARAN INISIATIF PEDULI RAKYAT

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat daripada pemberian kepada pemberdayaan akan dilaksanakan? Apakah ukuran kejayaan penjajaran ini?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (MERU) – soalan 69 & 207;

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (MORIB) – soalan 86;

Y.B. Puan Wong Siew Ki (BALAKONG) – soalan 165; dan

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (BUKIT LANJAN) – soalan 51;

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemeraksanaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western, i-City* Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart* IPR yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart* IPR ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : BANTUAN SEKOLAH

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan terhadap sekolah-sekolah bantuan Kerajaan seperti sekolah bukan bantuan Kerajaan sebelum ini? Sila nyatakan mengapa.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memberi bantuan peruntukan kepada sekolah bukan bantuan kerajaan bermula tahun 2009 sehingga 2018 dan antara jenis sekolah yang terlibat adalah seperti berikut :
- i. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ;
 - ii. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) ;
 - iii. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ;
 - iv. Sekolah Mubaligh ;
 - v. Sekolah Persendirian Cina ; dan
 - vi. Sekolah Agama Rakyat.

Perincian jumlah bantuan sekolah yang telah diagihkan kepada sekolah kerajaan adalah seperti berikut :

JENIS SEKOLAH	PERUNTUKAN YANG DITERIMA DARI 2013-2018	JENIS BANTUAN	BILANGAN SEKOLAH
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ;	RM 11,183,480.00	Bantuan Kerajaan	51 Buah
	RM 13,053,501.00	Bantuan Bukan Kerajaan	64 Buah
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) ;	RM 14,493,873.00	Bantuan Kerajaan	66 Buah
	RM 8,148,742.00	Bantuan Bukan Kerajaan	31 Buah

JENIS SEKOLAH	PERUNTUKAN YANG DITERIMA DARI 2017-2018	JENIS BANTUAN	BILANGAN SEKOLAH
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan(SMJK) / Mubaligh	RM 1,452,000.00	Bantuan Kerajaan	29 Buah
	RM 50,000.00	Bantuan Bukan Kerajaan	64 Buah
JENIS SEKOLAH	PERUNTUKAN YANG DITERIMA DARI 2017-2018	JENIS BANTUAN	BILANGAN SEKOLAH
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan(SMJK) / Mubaligh	RM 1,452,000.00	Bantuan Kerajaan	29 Buah
	RM 50,000.00	Bantuan Bukan Kerajaan	64 Buah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KAD KISS

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kad KISS merupakan salah satu program yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat. namun begitu, permohonan kad KISS telah dibekukan sementara untuk mengatasi masalah teknikal. Berapa lamanya masa yang akan diambil demi mengatasi masalah teknikal tersebut dan bilanya permohonan baru dapat dilakukan?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no.45 dari Yang Berhormat Morib.

Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah mendapat sambutan luar biasa dikalangan golongan ibu di Selangor yang ternyata memberikan manfaat bagi meneruskan kelangsungan hidup dan amat membantu dalam mengurangkan beban keluarga.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pemberian KISS masih diteruskan seperti biasa dan tiada isu pembekuan sementara kad KISS bagi mengatasi masalah teknikal. Ketika ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan langkah-langkah pemutihan selaras dengan penjajaran program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) secara keseluruhan oleh Kerajaan Negeri termasuklah penerima-penerima KISS melalui kerjasama yang komprehensif dengan jabatan di peringkat Persekutuan yang mempunyai sistem pangkalan data yang boleh dimanfaatkan dan dimaksimakan penggunaannya khususnya bagi tujuan verifikasi pendapatan di peringkat Kerajaan Negeri iaitu daripada:

- (1) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) yang bersetuju untuk membuat semakan silang senarai penerima KISS sedia ada dengan sistem di bawah kendalian ICU JPM yang merupakan sebuah Pangkalan Data Kemiskinan Nasional iaitu Sistem eKasih; dan

- (2) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang juga bersetuju untuk membuat semakan silang secara holistik bukan sahaja melalui Bantuan Sara Hidup (BSH) tetapi juga semakan silang bersama 17 agensi kerajaan lain.

Sehubungan itu, setelah hasil semakan silang ini diperolehi daripada jabatan/agensi yang telah dinyatakan itu tadi maka langkah seterusnya akan disusuli dengan pemakluman melalui surat kepada para penerima dan taklimat kepada semua pejabat Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, langkah-langkah pemutihan yang akan dilaksanakan bagi tujuan penjajaran IPR secara keseluruhan ini akan dimuktamadkan pada sesi Retreat Exco Kerajaan Negeri Selangor yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : SALAH GUNA MASJID DAN SURAU OLEH PIHAJK PEMBANGKANG

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengawal masjid dan surau yang jelas kini telah dikuasai oleh pihak pembangkang di dalam sesi pemilihan pegawai masjid yang lepas?

JAWAPAN:

- a) Usaha yang diambil adalah seperti berikut :
- i) Menetapkan dasar pelantikan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid dan surau tidak memegang jawatan dalam mana-mana parti politik.
 - ii) Menangguhkan pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid yang disyaki masih memegang jawatan dalam mana-mana parti dan tiada dokumen pembuktian yang mengesahkan mereka telah meletak jawatan khasnya perakuan dari pihak parti atau pejabat pendaftar pertubuhan.
 - iii) Membatalkan pelantikan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid yang didapati masih aktif memegang jawatan dalam parti.
 - iv) Melaksanakan program kursus dan latihan kepada pegawai dan jawatankuasa agar tidak menjadikan masjid dan surau sebagai medan politik.
 - v) Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan mengambil tindakan tatatertib termasuk menggantung / menamatkan perkhidmatan pegawai masjid dan surau yang didapati sengaja atau dengan cuai mengingkari arahan dan ketetapan dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : STATUS PELABUHAN KETIGA DI PULAU INDAH

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apa rancangan Kerajaan Negeri untuk memelihara kawasan hutan simpan, kampung-kampung Orang Asli, Kampung Tradisi dan penempatan di Pulau Indah jikalau projek ini berlangsung?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : ADUAN KDEBWM DI KUALA LANGAT

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak aduan terhadap kualiti perkhidmatan KDEBWM yang diterima di Daerah Kuala Langat sejak pengambil-alihan tugas ini daripada kontraktor bebas sejak pertengahan tahun 2018? Sila beri analisa dan kesimpulan terhadap trend ini.

JAWAPAN:

- a) KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) telah mengambil alih pengurusan pembersihan awam di daerah Kuala Langat bermula pada 1 Mac 2018 dan diikuti dengan pengurusan sisa pepejal domestik bermula pada 1 Julai 2018.

Berdasarkan statistik aduan sebenar yang direkodkan oleh dua saluran aduan rasmi iaitu *Centralized Command Center* (CCC) KDEBWM dan juga Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA), daerah Kuala Langat merupakan daerah yang **paling rendah** jumlah aduannya berbanding daerah-daerah lain yang diuruskan oleh KDEBWM. Aduan-aduan ini adalah aduan sebenar yang telah disahkan dan tidak termasuk aduan palsu. Kesemua statistik aduan ini dipantau oleh Kerajaan Negeri pada setiap bulan melalui Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

Bagi skop pembersihan awam, jumlah aduan sebenar yang direkodkan bermula pada tarikh pegambilalihan iaitu pada 1 Mac 2018 sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 86 aduan dengan purata aduan sehari sebanyak 10 aduan. Aduan tertinggi yang direkodkan adalah pada bulan Julai 2018 iaitu sebanyak 20 aduan manakala aduan terendah yang direkodkan adalah pada bulan Disember 2018 iaitu sebanyak tiga (3) aduan sahaja. Bagi tahun 2019, aduan yang direkodkan untuk bulan Januari adalah sebanyak tiga (3) aduan manakala pada bulan Februari pula adalah sebanyak lima (5) aduan sahaja.

Untuk skop kutipan sisa pepejal domestik pula yang telah diambil alih bermula pada 1 Julai 2018, jumlah aduan yang direkodkan sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 41 aduan sahaja dengan purata sebanyak tujuh (7) aduan

sehari. Jumlah aduan tertinggi dicatatkan pada bulan Julai 2018 iaitu sebanyak 16 aduan manakala aduan terendah yang dicatatkan adalah pada bulan Ogos dan September 2018 dengan masing-masing mencatat sebanyak empat (4) aduan sahaja. Bagi tahun 2019, jumlah aduan yang direkodkan bagi bulan Januari adalah sebanyak dua (2) aduan sahaja manakala bagi bulan Februari, jumlah yang direkodkan adalah sebanyak tiga (3) aduan sahaja.

Kesemua aduan yang diterima ini telah diambil tindakan dalam tempoh 24 jam sebagaimana SOP KDEBWM. Berdasarkan trend aduan yang diterima, secara keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa operasi kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal di kawasan Kuala Langat adalah stabil dan terkawal.

KDEBWM memberi jaminan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik di Kuala Langat dan akan sentiasa bekerjasama dengan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi memastikan daerah Kuala Langat menjadi sebuah daerah yang sentiasa bersih, maju, dinamik dan lestari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : SKIM INSURAN ANAK SELANGOR

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada cadangan Kerajaan Negeri ingin meluaskan skim insuran anak Selangor kepada satu skim insuran yang lebih komprehensif dengan memasukkan skim insuran pendidikan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menyediakan skim insuran pendidikan kepada anak-anak Selangor. Namun begitu bantuan yang telah disediakan untuk pendidikan anak-anak Selangor telah disediakan melalui Porgram Inisiatif Peduli Rakyat bermula di peringkat Taska sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengikut semakan di laman web, insentif ini telah dihentikan. Adakah insentif ini akan diteruskan pada tahun ini?
- b) Nyatakan statistik program ini Hadiah Pengajian IPT di DUN Permatang pada tahun 2018

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2019 Program Hadiah Masuk Universiti atau Hadiah Pengajian IPT (HPIPT) masih lagi diteruskan seperti tahun sebelum ini dan semua urusan serta permohonan untuk insentif ini boleh dibuat **bermula bulan Mei 2019**.

Pada masa ini urusan dan proses permohonan masih belum dibuka kerana pihak Kerajaan Negeri dalam proses menambahbaik sistem dan mengemaskini syarat - syarat permohonan.

- b) Statistik permohonan program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) bagi DUN Permatang pada tahun 2018 seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Statistik Permohonan HPIPT Tahun 2018 (DUN Permatang)

Status Permohonan	Kaum			Jumlah
	Melayu	Cina	India	
Layak	50	5	3	58
Tidak Layak	4	1	1	6
Jumlah Keseluruhan				64

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DIVIDEN ANAK SYARIKAT

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dividen yang dibayar oleh setiap GLC kepada kerajaan negeri pada 3 tahun yang lepas?
- b) Apakah peratus pulangan kepada kerajaan negeri mengikut nilai pelaburan didalam syarikat tersebut dan juga nilai aset semasa?

JAWAPAN:

- a) Dividen yang diisytiharkan oleh setiap GLC kepada pemegang saham pada 3 tahun lepas adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Dividen Diisytiharkan (RM'000)			Dividen Dibayar (RM'000)			
		2016	2017	2018	2016	2017	2018	
1	Kumpulan Semesta S/B	7,200	-	-	3,300	600	4,650	- Nota 1 - Nota 2
3	Darul Ehsan Facilities Management S/B	43	-	-	-	-	43	- Nota 3
4	SRM Setia S/B	168	935	-	-	168	935	
	Jumlah	10,911	935	-	3,300	768	5,628	

Nota 1 - Pembayaran untuk dividen yang diisytiharkan pada tahun 2015 dibuat pada tahun 2016, 2016 dan 2017.

Nota 2 - Pembayaran untuk dividen yang diisytiharkan pada tahun 2016 dibuat pada tahun 2018.

Nota 3 - Pembayaran untuk dividen yang diisytiharkan pada tahun 2016 dan 2017 dibuat pada tahun 2017 dan 2018.

- b) Peratus pulangan kepada pemegang saham mengikut nilai pelaburan di dalam syarikat tersebut dan juga nilai aset semasa adalah seperti berikut :

Bil	Nama Syarikat	Pulangan mengikut nilai pelaburan (%)			Pulangan Mengikut Nilai Aset Semasa (%)		
		2016	2017	2018	2016	2017	2018
1	Kumpulan Semesta S/B	288	-	-	11	-	-
3	Darul Ehsan Facilities Management S/B	4	-	-	1	-	-
4	SRM Setia S/B	22	125	-	4	10	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : SISTEM PENDIDIKAN AGAMA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan dari Kerajaan Negeri untuk menjadikan sistem pendidikan Agama peringkat sekolah rendah sebagai pendidikan percuma sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Ya. Kerajaan mempunyai perancangan memberikan pendidikan secara percuma dan pada masa ini, kerajaan telah menyediakan buku teks, bayaran utiliti, guru dan perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan di sebahagian sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : LALUAN ALTERNATIF BARU KE PULAU INDAH

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan laluan alternatif ke pulau indah ekoran kesesakan pada waktu puncak dan juga apabila berlaku kemalangan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia telah merancang dan melaksanakan penambahbaikan infrastruktur di sekitar Jalan Pulau Indah. Dalam sepanjang pelaksanaan RMK-11 pihak JKR Malaysia telah melaksanakan 2 Projek Menaiktaraf Jalan Pulau Indah Fasa 1 dengan skop menaiktaraf jalan sepanjang 5km dan pembinaan jalan bertingkat yang telah siap pada 28 Februari 2018. Manakala satu lagi projek menaiktaraf Jalan Pulau Indah Fasa 2 dengan skop menaiktaraf jalan sepanjang 10km di peringkat pembinaan yang dijangka siap pada 12 April 2021.

Pihak JKR Ibu Malaysia juga telah menyediakan satu lagi kertas cadangan projek bagi jajaran baru Pulau Indah Fasa 3 dengan skop pembinaan jalan baru sepanjang 9.0 km untuk yang melengkapkan jajaran Lingkaran Pulau Indah. Projek ini telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya pada 28 Februari 2019 untuk dilaksanakan di dalam RO4-2020 (*Rolling Pelan ke-4 – 2020*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TANAH UNTUK MEMBANGUNKAN PERTANIAN

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan tanah diperuntukkan untuk membangunkan pertanian di negeri ini pada tahun 2018?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2018, seluas 65,332 hektar tanah telah dibangunkan sebagai kawasan pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TANAH RUMAH IBADAT

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa isu tanah rumah ibadat yang belum diselesaikan? Sila nyatakan mengikut agama dan kawasan.

- b) Apakah cara penyelesaian isu rumah ibadat yang kini masih berada di atas tanah kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa terdapat banyak rumah ibadat selain Islam yang telah dibina tanpa memohon kebenaran daripada pihak berkuasa negeri serta tidak mengikut tatacara pembinaan rumah ibadat. Pemilik / persatuan rumah ibadat ini juga tidak membuat permohonan kelulusan pembinaan dan pemertanian tanah rumah ibadat kepada pihak kerajaan negeri.

Pihak kerajaan negeri akan mempertimbangkan permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat selain Islam mengikut tatacara yang telah diperuntukkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun. Sehingga Januari 2019, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sedang menjalankan perbincangan dan pertimbangan ke atas 30 permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat selain Islam. Pertimbangan ini akan mengambil kira pelbagai aspek terutama isu-isu teknikal dan maklumbalas yang diperolehi daripada jabatan dan agensi yang berkaitan.

Berikut adalah isu tanah rumah ibadat selain Islam yang belum diselesaikan dan masih di dalam peringkat pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam mengikut agama dan daerah seperti berikut:

**SENARAI ISU TANAH RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM YANG BELUM
DISELESAIKAN DAN MASIH DALAM PERTIMBANGAN OLEH JAWATANKUASA
HAL EHWAL SELAIN ISLAM MENGIKUT AGAMA DAN DAERAH**

DAERAH	TOKONG	KUIL	GEREJA	JUMLAH
PETALING	3	2	3	8
GOMBAK	2	0	0	2
HULU LANGAT	1	0	0	1
KLANG	5	7	0	12
SEPANG	0	0	0	0
KUALA LANGAT	0	0	0	0
KUALA SELANGOR	1	3	1	5
HULU SELANGOR	0	1	0	1
SABAK BERNAM	1	0	0	1
JUMLAH KESELURUHAN	13	13	4	30

Jadual 1

- b) Bagi rumah-rumah ibadat yang berada di atas tanah kerajaan yang beroperasi tanpa kebenaran, mereka hendaklah memohon agar tanah tersebut diwartakan bagi membolehkan mereka beroperasi dengan sah. Walaubagaimana pun, kelulusan adalah tertakluk kepada ulasan jabatan teknikal dan tatacara yang berkaitan selaras dengan Perenggan 5 di dalam Garis Panduan Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor (Pindaan 2018) yang menyatakan seperti berikut :

- 5.1 Setiap permohonan pembinaan bangunan keagamaan hendaklah dipohon atas nama persatuan melalui Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 5.2 Keluasan tanah untuk kegunaan bangunan keagamaan selain Islam sedia ada di tapak adalah mengikut keluasan asal bangunan tersebut. Bagi keluasan bangunan keagamaan selain Islam di tapak baru sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan, Jawatankuasa boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi mengikut kes-kes tertentu.
- 5.3 Tapak bangunan keagamaan selain Islam tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.
- 5.4 Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam adalah tidak dibenarkan di bina di kawasan lapang.
- 5.5 Penentuan jenis bangunan keagamaan selain Islam adalah ditetapkan mengikut komposisi kaum.
- 5.6 Ketinggian yang dibenarkan adalah tertakluk kepada garis panduan dan undang-undang yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 5.7 Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam tidak akan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam atau lalu lintas.
- 5.8 Bangunan keagamaan yang dipindahkan dicadangkan untuk ditempatkan secara tetap.